



diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

PEN. 5/76/46 (PM)

DATUK HUSSEIN ONN TUTUP SEMINAR
EKONOMI UMNO MALAYSIA

Ucapan Y.A.B. Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri dalam upacara Penutup Seminar Ekonomi UMNO Malaysia, di Dewan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, pada 9hb Mei, 1976, pukul 5.30 petang.

Baru sebentar tadi saya telah menerima, sebagaimana yang saudara-saudara saksikan, rumusan seminar yang disampaikan oleh Pengerusi Biro Ekonomi UMNO Malaysia.

Rumusan ini adalah hasil dari perbincangan, dalam empat bengkel yang disumbangkan oleh saudara para perwakilan sekalian.

Saya mengucapkan syukur kehadiran Allah kerana dengan penerimaan rumusan ini bermakna tamatlah seminar kita, dengan mencapai kejayaan, yang saya anggap sangat berkesan dan penuh erti.

Saya menerima rumusan ini dengan penuh semangat dan keinsafan,

Pertama: Ini menambahkan kesedaran saya tentang tugas dan tanggungjawab yang saya pikul, sebagai Ketua Parti dan Kerajaan amatlah berat. Tetapi dengan berkat sokongan, kerjasama dan panduan setiap saudara, saya percaya beban tugas ini akan berkurangan.

Kedua: Saya menerima rumusan ini dengan kesedaran bahawa cabaran yang dihadapi adalah juga berat, memandangkan bahawa harapan rakyat makin tinggi, memuncak dan mendesak.

Ketiga: Saya menerima rumusan ini dengan penuh tanggungjawab bahawa kemampuan kerajaan bagi melaksanakan syor dan semua pandangan ini mestilah diperingkat dan ditambahkan.

Sejajar dengan hasrat ini, saya inginlah memberikan pengakuan di sini bahawa setiap pandangan, ulasan dan cadangan yang dikemukakan dalam bentuk rumusan itu akan dikaji dan akan dilaksanakan seboleh-bolehnya.

Saya juga ingin memberikan pengakuan bahawa sebarang penyelesaian yang berlaku dalam jentera kerajaan, baik pada peringkat perancangan, penyampaian, pelaksanaan dan juga penerimaan akan disiasat, dikaji dan sekiranya didapati benar, akan dihapuskan.

Saya amat sedar bahawa UMNO adalah tunjang kekuatan Kerajaan Barisan Nasional dan kepada kitalah sebahagian besar terletaknya amanah untuk menentukan pencapaian kemahuan rakyat itu. Kita tidak boleh lari dan tidak akan lari dari hakikat ini.

Oleh itu, sebagaimana yang dirumuskan kerajaan akan terus memusatkan kegiatannya dalam lapangan pertanian dan disektor Perindustrian di kalangan Bumiputra. Demikian juga, Kerajaan akan memberikan perhatian yang penuh minat dalam usaha membasmi kemiskinan, kerana objektif akhir Dasar Pembangunan Kerajaan ialah membasmi kemiskinan, tanpa mengira kaum, dalam apa juga bentuk. Kita juga berazam untuk menyusun semula masyarakat untuk mewujudkan satu masyarakat Malaysia yang adil, bersatu padu dan makmur.

Kerajaan akan berusaha mengadakan perimbangan projek yang dilaksanakan antara negeri, antara wilayah dan antara kaum. Kita faham bahawa tanggungjawab terhadap masa depan negara adalah dari usaha kita, oleh tenaga kita dan untuk faedah kita semua.

(tambahan)

Demikian juga, pembangunan akan diselaraskan dengan gerakan keselamatan kerana kesejahteraan rakyat banyak bergantung kepada usaha mengekalkan keselamatan ini.

Strategy kita, dalam gerakan pembangunan ini bukan sahaja dalam bentuk menambahkan kemampuan rakyat dalam memberikan sumbangan kepada kebajikan mereka dan keluarga sendiri tetapi juga terhadap kemampuan mereka untuk kebajikan masyarakat serta pertumbuhan negara kita.

Yang demikian, adalah menjadi tujuan kita dan Kerajaan untuk menambahkan peluang-peluang tersebut seperti untuk mereka berbakti demi kepentingan mereka dan disamping itu menikmati dari hasil usaha serta titik peluh mereka sendiri.

Seperti yang saya utarakan tidak akan berjaya sebarang usaha pembangunan sekiranya tidak ada penyertaan rakyat dalam kegiatan ekonomi tersebut, pada semua peringkat.

Sebelum menutup ucapan ini, izinkan saya memberikan sedikit pandangan mengenai parti kita. Akhir-akhir ini, ada pendapat yang mengatakan bahawa ada krisis dalam Parti. Saya telah mengulas perkara ini, dengan menyebut bahawa Parti tidak krisis. Yang krisis itu ialah gulungan yang merasakan dia kena penyakit krisis. Pada hemat saya, tidaklah molek bagi setengah-setengah tokoh dalam Parti yang menyebut-kan bahawa Parti kita krisis dan penuh dengan manusia-manusia yang kena serang penyakit jantung, tempang dan sebagainya. Mungkin, tokoh yang membangkitkan perkara itu telah merasai dia sendiri dan fikirannya tempang disebabkan oleh perasaan kerisis dan ketakutannya sendiri.

Tadi, telah saya nyatakan bahawa Parti kita tetap kukuh dan utuh, dan bakti dari kenyataan ini ialah kehadiran saudara-saudara sekalian dalam seminar ini. Perbezaan pendapat adalah perkara biasa yang sepatutnya diselesaikan dengan cara dan tatasusila kita sendiri.

Sebagai menutup seminar ekonomi ini, saya inginlah membuat satu pengumuman mengenai langkah yang kita akan jalankan sebagai usaha Parti untuk menuju pembangunan ekonomi dalam negara kita.

Pertama: Adalah diputuskan bahawa UMNO akan membentuk sebuah korporasi,

Kedua: UMNO juga akan membentuk sebuah Jawatankuasa Penyelaras penyertaan Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian di peringkat pusat dan negeri.

Seminar kita telah berakhir dengan jayanya dan setiap saudara, yang telah memberikan sumbangan yang berguna, termasuk saudara kita dari Sarawak, saya mengucapkan terimakasih atas pandangan serta syor yang telah diberikan itu.

Demikian juga saya ingin merakamkan terimakasih yang setinggi-nya kepada semua dan setiap pekerja sukarela, pegawai-pegawai Kerajaan dan badan-badan berkanun, anggota polis dan pasukan keselamatan dan pihak swasta seperti hotel yang telah memberi kemudahan terhadap usaha menjayakan Seminar ini.

Bagi pihak Kerajaan pula, saya suka memberi penghargaan kepada sumbangan-sumbangan yang telah memberikan pendapat tentang kelemahan Rancangan Malaysia Kedua.

Dalam lawatan saya ke bengkel-bengkel perbincangan, saya merasa bangga bahawa mutu perbincangan, serta buah fikiran yang disumbangkan adalah tinggi. Beberapa aspek mengenai perlaksanaan projek telah disentuh termasuk sikap pegawai-pegawai kerajaan yang acuh tak acuh sahaja terhadap masalah pembangunan. Saya akui bahawa masalah ini timbul dan

(tambahan)

PEN. 5/76/46 (PM)
(hubungan 3)

akan mengambil tindakan mengatasinya. Saya tidak akan ragu-ragu untuk menyusun semula jentera pentadbiran, sekiranya perlu. Langkah-langkah akan diambil bagi menentukan agar pegawai kerajaan mempunyai semangat serta sikap dedikasi bagi melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga.

Saya juga mengambil ingatan mengenai pandangan terhadap jentera kerajaan diperingkat negeri dalam melaksanakan projek. Perkara ini serious, kerana negeri ialah front line kita dengan rakyat. Yang demikian adalah perlu perkara ini diperbaiki dan kecekapannya ditingkatkan.

Saya juga mahu menekankan perlunya kita waspada terhadap usaha-usaha anti-nasional dan komunis yang mahu melemahkan keyakinan dan kepercayaan kita terhadap diri, pemimpin dan kerajaan. Survival kita dan negara kita bergantung kepada cara kita mengatasi cabaran dan ugutan ini.

Kita mampu dan sanggup menentang ancaman ini dengan perpaduan dan kekuatan kita. Kukuhkan perpaduan supaya kita dapat melaksanakan rancangan pembangunan demi mencapai objektiviti kita.

Apabila kita bersurai dan saudara pulang, hidupkanlah semangat Seminar ini, dan padukan kekuatan di tiap-tiap bahagian. Dengan perpaduan ini, saya yakin, kita akan dapat menghadapi rancangan pembangunan kita yang menjamin kesejahteraan rakyat dan sistem demokrasi yang kita asalkan.

Kepada golongan swasta khususnya pelabur-pelabur saya memberi jaminan bahawa "You are our partners in progress". Kita mengalu-ngalu modal asing, selagi perlaksanaannya sejajar dengan dasar dan kedaulatan negara kita.

Masa depan negara kita bergantung kepada sistem ekonomi dan pentadbiran kerajaan yang ada sekarang. Bergantunglah kepada kekuatan kita dan keazaman kita memelihara dan memperkukuhkannya demi kesejahteraan jenerasi akan datang.

Saya telah terlupa untuk mengucapkan terimakasih kepada Chairmen, co-chairmen tiap-tiap bengkel itu. Demikian juga, kepada jurulapur, jurutrengkas, jurutaip, pembantu-pembantu yang telah memberikan khidmat pada mengumpulan bahan-bahan perbincangan yang afdal sekali, saya ucapkan terimakasih kepada pengerusi Biro Ekonomi sendiri yang telah berusaha penat lelah dengan Seminar ini.

Akhirnya, dengan kata dan pesanan inilah saudara-saudara saya dengan sukacitanya menutup Seminar ini, dengan penuh kesedaran bahawa tugas kita sangat besar. Amanah yang diberikan kepada kita adalah suci. Masa yang diberikan kepada kita sangat terhad.

Senoga Allah akan mengurniakan kita taufik dan hidayahNya untuk terus berbakti kepada parti, bangsa dan negara.

KUALA LUMPUR,
9hb Mei, 1976.

(dikeluarkan pada pukul 7.30 malam)

af:sri

=====

PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI



11 - JUN 1976



No. Siri	189
No. Penerimaan	12/76